

BIO TEST

Your reliable home test kits series

Ujian Menopause

Kod Produk 9 555 223 208 043

Untuk kegunaan ujian *in-vitro* sahaja.

Simpan antara suhu 2-30°C

TUJUAN KEGUNAAN

Ujian Menopause BioTest adalah berdasarkan sistem *rapid chromatographic immunoassay* untuk mengesan peningkatan tahap hormon *follicle stimulating (FSH)* dalam air kencing untuk menentukan samada anda mengalami pre-menopause

DASAR UJIAN

Menopause adalah keadaan di mana kitaran haid wanita putus. Ia selalunya dikenal pasti hanya apabila haid telah putus selama setahun. Namun jangkamasa sekitar 12 bulan sebelum menopause digelar sebagai 'pre-menopaus' Ramai wanita mengalami petanda seperti kitaran haid yang tidak tetap, kehangatan badan, tidur tidak lena, kekeringan vagina/faraj, kehilangan rambut, gangguan emosi, kehilangan ingatan dan kelesuan. Keadaan ini berlaku disebabkan gangguan hormon dalam badan yang mengkitarkan pusingan haid. Apabila badan anda menghasilkan semakin kurang hormon estrogen, ia akan menghasilkan lebih Follicle Stimulating Hormon (FSH).

AMARAN


1. Jangan menggunakan alat penguji yang telah melepasi tarikh lupus.
2. Sekiranya foil tidak ditutup dengan baik, jangan gunakan alat penguji.
3. Lakukan ujian di tempat yang terang.
4. Gunakan alat penguji serta-merta selepas membuka foil.
5. Jangan sentuh bahagian tingkat keputusan. Ini akan mempengaruhi keputusan dan adalah berbahaya.
6. Bekas foil mengandungi satu pek gel silika untuk menyerap kelembapan. Jangan membuka pek. Buang pek bersama alat penguji.
7. Selepas melakukan ujian, buang kesemua bahan yang telah digunakan kedalam bakul sampah. Cuci tangan dengan segera.

KANDUNGAN

- Alat Penguji
- Desiccant / Gel Silika
- Surat penerangan

UJIAN

Sekiranya anda masih mengalami haid, lakukan ujian pada minggu kitaran anda (2-7 hari, dimana hari 1 ialah hari pertama haid anda). Jika anda tidak lagi mempunyai tempoh tetap, lakukan ujian pada bila-bila masa pada bulan tersebut. Kami mengesyorkan anda melakukan ujian menggunakan air kencing pagi pertama kerana ia mengandungi hormon yang paling tinggi dan akan memberikan keputusan yang paling tepat.



Langkah 1:

- Baca arahan dengan teliti sebelum melakukan ujian.
- Sebaik-baiknya, lakukan ujian pada waktu pagi kerana air kencing pertama mengandungi hormon hCG yang paling tinggi.
- Pastikan foil alat penguji tidak terbuka. Kemudian buka foil.

Langkah 2:

- Tanggalkan penutup dari alat penguji.

Langkah 3:

- Pegang alat penguji dengan menghala buntul penyerap di bawah saluran air kencing selama 10 saat sehingga ia basah.
(NOTA : Jangan menghala Tingkat Keputusan dibawah saluran air kencing. Anda juga boleh mengumpul air kencing dalam bekas yang bersih dan kering, kemudian celupkan buntul penyerap dalam air kencing selama 10 saat.)
- Anda boleh menutup kembali buntul penyerap, namun ia tidak akan mempengaruhi keputusan.


Langkah 4:

- Letakkan alat penguji atas permukaan rata dengan tingkat keputusan menghala keatas. Anda akan dapat melihat warna merah jambu bergerak dalam tingkat keputusan menandakan ujian sedang berlaku.

Langkah 5:

- Baca keputusan dalam jangka 5 minit. Perhatikan garisan yang muncul dalam tingkat keputusan.
- Jangan baca keputusan selepas 10 minit.

KEPUTUSAN



Positif

Dua garisan muncul dan garisan dalam Tingkat Keputusan (T) mestilah sama atau lebih nyata dari garisan dalam Tingkat Keputusan (C). ini bermakna anda sedang mengalami proses pra-menopaus.

Negatif

Hanya satu garisan muncul dalam Tingkat Keputusan (C), atau dua garisan muncul tetapi garisan dalam Tingkat Keputusan (T) kurang nyata berbanding dengan Tingkat Keputusan (C). Ini bermakna tiada peningkatan hormon FSH. Anda bukan mengalami pra-menopaus.

Tidak Sah

Sekiranya tiada garisan muncul dalam Tingkat Keputusan (C). Anda dikendaki menjalankan ujian dengan menggunakan alat penguji yang baru.

NASIHAT

Sekiranya keputusan adalah positif, jumpa dengan doktor untuk memastikan bahawa anda sedang mengalami pra-menopaus dan dapatkan nasihat untuk memelihara kesihatan. Risiko penyakit seperti osteoporosis, darah tinggi atau kelemahan jantung adalah lebih tinggi pada wanita selepas menopause. **Jangan berhenti menggunakan alat pencegahan hamil serta merta.** Dapatkan nasihat doktor.

Sekiranya keputusan adalah negatif, ini bermakna tiada peningkatan hormon FSH dalam air kencing anda. Sekiranya anda masih mengalami petanda menopause atau haid anda tidak datang, anda dinasihatkan untuk menjalani ujian sekali lagi. Sekiranya anda hanya dalam lingkungan umur 40 tahun, anda juga dinasihatkan untuk menjalani ujian BIOTEST Ujian Hamil (Pregnancy) untuk kemungkinan kehamilan.

IFU-BT-FSH-M.v2.2015

Manufactured by Atlas Medical
William James House, Cowley Road, Cambridge, CB4 0WX, UK
BioTest is a trademark of Bio-gro Sdn Bhd
www.bio-test.info